

Pekebun disaran bersatu tingkat produktiviti mapan

Berita Harian 04 SEP 2010 M/S 3

Keluaran minyak sawit mapan dipergiat, dilaksana bersepadu

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

MIRI: Pekebun kecil sawit disaran bersatu dan mengamalkan amalan pertanian baik bagi memastikan penghasilan buah tandan segar (BTS) dapat menghasilkan minyak sawit mapan selepas melalui pemerosesan di kilang.

Pengeluaran minyak sawit mapan akan dipergiatkan dan dilaksanakan secara bersepadu bagi meningkatkan keyakinan pengguna melalui verifikasi dan pensijilan serta amalan berkualiti di setiap rantaian pengeluaran produk sawit.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Mohd Basri Wahid berkata demikian sewaktu berucap pada sesi ucap-tama Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2010, di sini, baru-baru ini.

“Pengeluaran minyak sawit mapan dan mesra alam menjadi tumpuan pengguna minyak sawit di serata dunia. Bagi memastikan pengeluaran komoditi itu secara mapan, MPOB mengambil inisiatif melancarkan Kod Amalan membabitkan setiap peringkat rantaian pengeluaran produk sawit.”

“Beberapa piawaian diwujudkan seperti Kod Amalan Pertanian Baik (CoP), Kod Amalan dan Pensijilan ‘Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO), Amalan Pertanian Baik (GAP), Amalan Pengilangan Baik (GMP) dan Amalan Penapisan Baik untuk minyak sawit,” katanya.



DATUK DR Mohd Basri Wahid menyampaikan ucapan alu-aluan pada majlis perasmian Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2010 yang dihadiri oleh lebih 500 pekebun kecil sawit seluruh negara.

Datuk Dr Mohd Basri berkata, bagi melaksanakan pensijilan RSPO kepada pekebun kecil sawit persendirian seluruh negara, kerajaan melalui MPOB menyediakan peruntukan sejumlah RM50 juta.

“MPOB giat menubuhkan Kelompok Minyak Sawit Ma-

pan (SPOC) di seluruh negara bagi menggalakkan penyertaan pekebun kecil dalam pensijilan RSPO.”

“Melalui SPOC juga akan dilaksanakan penubuhan koperasi bagi menjaga kepentingan pekebun kecil terutama bagi memudahkan pembelian input pertanian

disamping berkongsi keuntungan dalam perniagaan koperasi,” katanya.

Katanya, koperasi juga akan berperanan sebagai institusi untuk menyatukan pekebun kecil dan pada masa sama membantu bagi proses pensijilan RSPO yang perlu dibaharui setiap dua tahun.

Datuk Dr Mohd Basri juga berkata, sebanyak 10 kelompok pekebun kecil membabitkan 7,000 pekebun dikenalpasti untuk pensijilan RSPO manakala lebih 20,000 pekebun lagi akan terbabit dengan penubuhan koperasi.

“Adalah dijangka mereka akan menerima harga premium yang lebih baik berbanding pengeluar minyak sawit yang dihasilkan tanpa sijil RSPO,” katanya.

INFO

Proses pelaksanaan Pensijilan RSPO

- Memilih kelompok pekebun kecil yang sesuai dan berpotensi.
- Memberi penerangan mengenai pensijilan RSPO kepada kelompok terpilih.
- Mendaftar pekebun kecil terpilih untuk pensijilan RSPO.
- Mengenalpasti tahap pematuhan ‘Prinsip dan Kriteria’ RSPO.
- Melatih bagi meningkat pengetahuan terhadap Amalan Baik Pertanian.
- Bancian mengetahui kesediaan pekebun kecil untuk diaudit.
- Pelaksanaan audit oleh Auditor RSPO.
- Penganugerahan sijil RSPO